

JAWATANKUASA PRA TENDER KERJA

- Punca Kuasa** 1. Ditubuhkan dibawah Naib Canselor
- Keanggotaan** 2. **Pengerusi :** Pegawai Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor
- Ahli – Ahli :** i) Bendahari atau wakil
- ii) Sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli yang dilantik oleh Naib Canselor
- Setiausaha:** Pegawai Kewangan
- Kuasa - Kuasa** 3. Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Naib Canselor dan tugasnya adalah seperti berikut:-
- i) Meneliti semua laporan penilaian teknikal bagi tender kerja sebelum dibentangkan di Lembaga Perolehan.
- ii) Mengadakan perbincangan dengan Pengerusi, Jawatankuasa Penilaian Teknikal, jika perlu, untuk mendapat maklumat tambahan sama ada tentang perincian atau laporan teknikal.
- iii) Menyediakan laporan dan syor setujuterima untuk dikemukakan kepada Lembaga Perolehan.
- Mesyuarat** 4. i) Tarikh, masa, tempat dan agenda hendaklah ditentukan oleh Pengerusi.
- ii) Pegawai Kewangan selaku Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat apabila diarah oleh Pengerusi.
- Kuorum** 5. Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ialah tiga (3) orang yang perlu hadir sepanjang tempoh mesyuarat.
- Minit** 6. Minit segala mesyuarat Jawatankuasa hendaklah direkodkan dan disimpan dengan baik bagi tujuan pengauditan.